



Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz

Foto Oleh Fahimatul Fuadi Romji

Matlamat Unggul Sri Al-Hafidz

Oleh Zulqayyum Ali

qayumalie@gmail.com

Renee Debra Leonard

needle_27@yahoo.com

Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz, merupakan salah sebuah sekolah integrasi yang terletak di Bandar Sierra, Kota Kinabalu. Sekolah ini juga merupakan Sekolah Rendah Islam pertama di Sabah.

Sekolah ini dikendalikan berlandaskan beberapa matlamat antaranya memenuhi tuntutan fardu kifayah. Sekolah ini juga antara sekolah tahfiz yang kedua dibuka di Sabah yang bertujuan membuka peluang kepada ibu bapa yang menginginkan anak-anaknya menjadi hafiz dan hafizah di samping berkerjaya profesional kelak dan bukan bertujuan memperoleh keuntungan semata-mata.



Foto Oleh Fahimatul Fuadi Romji



Salah seorang pelajar Sekolah Rendah Islam Al-Hafidz

Foto Oleh Zulqayyum Ali

Kini terdapat lebih daripada 50 orang pelajar sedang giat menghafaz di Sri Al Hafidz dalam pelbagai tahap hafalan.

Antara matlamat penubuhan SRI Al-Hafidz adalah memberikan pendidikan bersepadu dunia dan akhirat seterusnya melahirkan pelajar yang berilmu dan beramal serta berakhlak mulia. Di SRI Al-Hafidz ini juga mendorong para pelajar untuk hafaz Al-Quran dan mendapat keputusan cemerlang dalam UPSR.

Menerusi sistem pengajaran dan pembelajaran di SRI Al-Hafidz ini turut menggunakan bahasa yang pelbagai seperti bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Hal ini dikatakan sedemikian untuk menyelaraskan pembelajaran mengikut standard sekolah rendah awam yang terdapat di Malaysia. Keupayaan mempelajari bahasa yang pelbagai dapat melahirkan seseorang pelajar yang berkebolehan dalam berkomunikasi.



Foto Oleh Fahimatul Fuadi Romji



*Perpustakaan mini SRI Al-Hafidz
Foto Oleh Renee Debra Leonard*

Pembentukan SRI Al-Hafidz adalah bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang mampu memaparkan imej secara konsisten terhadap agama, berpersonaliti Muslim sejati, arif ilmu Al-Quran di samping tidak jahil terhadap ilmu dan kemahiran duniawi. Hal ini penting bagi memastikan generasi muda akan datang mampu menjadi pelopor dalam ilmu tauhid.

Penerapan ilmu tauhid di SRI Al-Hafidz dapat membantu para pelajar untuk mempraktikkan ilmu tersebut dalam menjalani kehidupan seharian. Ini adalah penting bagi memastikan para

pelajar tersebut tidak mensesiakan ilmu yang dipelajari semasa mereka menuntut di sekolah ini.

SRI Al-Hafidz juga dapat memberi dorongan kepada kanak-kanak sekolah rendah menerapkan minat dalam mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam secara menyeluruh. Secara tidak langsung, ia dapat melahirkan generasi yang berakhlak mulia dan sentiasa berfikiran positif.

SRI Al-Hafidz secara tidak langsung turut memberi peluang dalam mendalami ilmu Islamik dan bukan sekadar ilmu akademik. Sekolah ini dapat membentuk peribadi pelajar untuk

memiliki keupayaan dan kemahiran sebagai khalifah di muka bumi ini.

Matlamat penubuhan sekolah rendah agama ini adalah sejajar dengan panduan ajaran agama Islam yang mengkehendaki seseorang Muslim untuk mendalami ilmu agama serta menerapkan ajaran tersebut dalam menjalani rutin harian.

Jelaslah, bahawa sekolah rendah agama ini merupakan salah sebuah sekolah pilihan yang sesuai untuk mencorak akhlak anak muda yang beragama Islam sekali gus dapat melahirkan modal insan yang berguna dan berfaedah.



*Rak buku dalam perpustakaan mini
Foto Oleh Fahimatul Fuadi Romji*